



# KENYATAAN MEDIA

---

## LAWATAN MENGEJUT KE KILANG SUSULAN INSIDEN PENCEMARAN DI SUNGAI SELANGOR

---

Hari ini saya telah membuat lawatan mengejut ke kilang memproses bahan akrilik di kawasan perindustrian Jalan Kampung Orang Asli, Kuang, Rawang, Selangor susulan insiden pencemaran bau dan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang, Sungai Selangor.

Hasil pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati punca pencemaran bau adalah akibat kebocoran bahan kimia dikenali sebagai Poly Metha Acrylic Acid (PMAA) daripada tangki penstoran yang merupakan produk yang dihasilkan oleh premis tersebut berbentuk cecair. Kebocoran bahan kimia tersebut telah menyebabkan pelepasan bau kerana ciri-ciri bahan kimia PMAA yang berbau kuat.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar:

- a) **Arahan serta merta** telah dikeluarkan oleh pihak JAS kepada pengusaha premis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam premis, kawasan longkang dan anak sungai yang terkesan dan kerja-kerja tersebut telah selesai dijalankan.
- b) Sebanyak **tiga (3) sampel bahan bukti turut diambil dan sudah dikemukakan ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM)** untuk ujian penentuan komposisi dan pepadanan (matching).
- c) Selain itu, **kawasan operasi premis beserta peralatan kelengkapan proses telah disita** oleh JAS melalui pengeluaran notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sehingga siasatan selesai.
- d) JAS juga sudah **membuka kertas siasatan** bagi tindakan perundangan.

Jabatan Alam Sekitar turut mengesahkan penahanan dua individu setakat ini bagi membantu siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 2024).

Kerajaan memandang serius jenayah alam sekitar dan ini sudah diterjemahkan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun dan denda maksimum sehingga RM10 juta jika disabitkan dengan kesalahan mencemar sungai.

Pihak industri hendaklah memainkan peranan penting dalam memastikan operasi kilang atau premis masing-masing memenuhi semua keperluan perundangan alam sekitar dan tidak akan menyebabkan pencemaran alam sekitar. Konsep pematuhan sendiri perlulah dibudayakan dan setiap tindakan atau keputusan yang diambil hendaklah mengambil kira elemen alam sekitar.

Setiap anggota masyarakat perlu bertindak dengan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar mengenai aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar untuk tindakan penguatkuasaan lanjut. Sebarang aduan berkaitan yang mencemarkan alam sekitar boleh dibuat di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**25 JULAI 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

